



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SRI KHAZALI BIN HJ. AHMAD  
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**SEMPENA:**

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH  
PROGRAM JOM MINTA RESIT GST  
SIRI-3**

**TEMPAT:  
KUCHING, SARAWAK**

**TARIKH:  
16 OKTOBER 2016 (AHAD)**

1. BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.
2. ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.
3. SALAM SEJAHTERA, SALAM KASTAM, DAN SALAM MALAYSIA.
4. SEGALA PUJI-PUJIAN HANYA KEPADA ALLAH (S.W.T).
5. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD (S.A.W).
6. YANG BERBAHAGIA TUAN HASNOL ZAM ZAM BIN AHMAD, TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGURUSAN).

YANG BERBAHAGIA DATO' MOHD ISA BIN ENDOT,  
PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT,  
IBU PEJABAT JKDM.

YANG BERBAHAGIA DATO' MOHD PUDZI BIN MAN,  
PENGARAH KASTAM NEGERI PULAU PINANG.

YANG BERUSAHA TUAN TAN SIM KIAT,  
PENGARAH BAHAGIAN GST, IBU PEJABAT JKDM.

YANG BERUSAHA TUAN HJ. AHMAD BIN JII,  
PENGARAH KASTAM NEGERI SARAWAK.

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN,  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA.

YANG SAYA HORMATI RAKAN-RAKAN MEDIA DARI PIHAK  
TV, AKHBAR DAN MEDIA TEMPATAN.

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN SERTA PARA HADIRIN YANG  
DIHORMATI SEKALIAN.

7. BERSYUKUR KEPADA ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN IZINNYA KITA DAPAT MENGHADIRKAN DIRI KE MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PARA PEMENANG DI NEGERI SARAWAK UNTUK PROGRAM “JOM MINTA RESIT GST” SIRI KETIGA, BAGI CABUTAN BULAN OGOS DAN SEPTEMBER 2016, ANJURAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA.
8. SELAMAT DATANG SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA HADIRIN, KHASNYA KEPADA PARA PEMENANG, TETAMU JEMPUTAN DAN RAKAN MEDIA.

**DATO’-DATO’ SERTA PARA HADIRIN YANG SAYA  
HORMATI SEKALIAN.**

9. PADA KESEMPATAN INI, SUKA SAYA TEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA SISTEM PERCUKAIAN GST MERUPAKAN ANTARA SISTEM PERCUKAIAN YANG TERBAIK DI DUNIA.

10. MALAYSIA MULA MELAKSANAKAN GST PADA 1 APRIL TAHUN 2015, DAN GST BUKANLAH SATU SISTEM CUKAI YANG BARU KERANA IA TELAH PUN DIAMALKAN SEJAK PULUHAN TAHUN LALU OLEH LEBIH 160 BUAH NEGARA.
11. HINGGA KE HARI INI KE SEMUA NEGARA BERKENAAN MASIH MENGEKALKAN SISTEM PERCUKAIAN GST DI NEGARA MASING-MASING KERANA TERBUKTI GST MEMBERI BANYAK KEBAIKAN KEPADA NEGARA.
12. BAGI MEMASTIKAN GSTINI BERUPAYA MENGHASILKAN KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN KEPADA NEGARA, MAKA ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA PIHAK MEMASTIKAN SISTEM CUKAIINI DILAKSANAKAN DAN DITADBIR DENGAN BETUL.
13. SALAH SATU TINDAKAN YANG BOLEH KITA LAKUKAN IALAH DENGAN SAMA-SAMA MENJAYAKAN PROGRAM “JOM MINTA RESIT GST”, IAITU SATU PROGRAM YANG DIPERKENALKAN OLEH JABATAN KASTAM UNTUK MENGGALAKKAN PARA PEMBELI MEMINTA RESIT BAGI SETIAP PEMBELIAN YANG MEREKA LAKUKAN.
- 14.INI KERANA DARI PEMERHATIAN KASTAM, MASIH ADA PEMBELI MENGABAIKAN HAK MEREKA UNTUK MENDAPATKAN RESIT, ATAU TIDAK KISAH SAMADA PENJUAL MENGELOUARKAN RESIT ATAU TIDAK.

15. JIKA PUN ADA PENJUAL MENGELOUARKAN RESIT DAN MEMBERINYA KEPADA PEMBELI, TETAPI MASIH ADA PEMBELI TIDAK KISAH APA BUTIRAN YANG TERTULIS PADA RESIT BELIAN MEREKA.
16. KEALPAAN PEMBELI SEPERTIINI BOLEH MEMBERI BANYAK KESAN BURUK.
17. ADA PENJUAL MENDAKWA KONONNYA MEREKA MENAWARKAN HARGA YANG LEBIH MURAH KEPADA PEMBELI SEKIRANYA URUSNIAGA DIJALANKAN TANPA RESIT GST, WALHAL PENJUAL BERKENAAN SEBENARNYA MENJUAL BARANGAN YANG SEMEMANGNYA TIDAK BERCUKAI GST.
18. JIKA KEADAANINI TERUS BERLAKU, IA TURUT MEMBERI KESAN KEPADA KERAJAAN, KERANA GST YANG DICAJ TANPA RESIT BOLEH MENYEBABKAN WANG GST YANG DIBAYAR OLEH PEMBELI TIDAK DISALURKAN KEPADA KERAJAAN, SEBALIKNYA MASUK KE POKET PENJUAL.
19. KESAN AKHIRNYA, RAKYAT AKAN RUGI KERANA DUIT GST YANG DIBAYAR OLEH RAKYAT ITU SEPATUTNYA BOLEH DIKEMBALIKAN SEMULA KEPADA RAKYAT MELALUI PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN KERAJAAN.

20. ALHAMDULILLAH, USAHA YANG DILAKUKAN OLEH JABATAN KASTAM MELALUI PROGRAM “JOM MINTA RESIT GST”INI TELAH MENDAPAT SAMBUTAN RAKYAT.
21. BAGI TEMPOH CABUTAN SIRI KETIGAINI, IAITU UNTUK BULAN OGOS DAN SEPTEMBER 2016, SEBANYAK 276,120 PENYERTAAN DITERIMA DARI SELURUH NEGARA.
22. JUMLAH PENYERTAAN PADA KALIINI TELAH MENINGKAT 30% BERBANDING PENYERTAAN SIRI KEDUA YANG LEPAS.
23. SAYA YAKIN, SELEPASINI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA AKAN MENERIMA LEBIH BANYAK PENYERTAAN DARIPADA ORANG RAMAI.
24. PADA MINGGU LEPAS SEBANYAK 2,876 ORANG PEMENANG TELAH DIPILIH DARI SELURUH NEGARA DAN PADA HARIINI SEBANYAK 30 ORANG PEMENANG HADIAH UTAMA YANG TERPILIH DARI SEKITAR BANDARAYA KUCHING AKAN MENERIMA HADIAH DISINI.
25. KEPADA LAIN-LAIN PEMENANG, MEREKA BOLEH MENUNTUT HADIAH MASING-MASING MULAI HARI SELASA IAITU PADA 18 OKTOBER 2016 DI PEJABAT KASTAM YANG BERHAMPIRAN DENGAN MEREKA.

**DATO'-DATO' SERTA PARA HADIRIN YANG SAYA  
HORMATI SEKALIAN.**

26. SEBELUM SAYA MENAMATKAN UCAPAN, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG PROGRAM "JOM MINTA RESIT GST" DI SELURUH NEGARA.
27. SEHUBUNGAN ITU SAYA MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MEMBERI SUMBANGAN SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PROGRAMINI, TERUTAMANYA KEPADA SELURUH WARGA JABATAN KASTAM NEGERI SARAWAK.
28. SEKIAN, WABILLAHİ TAUFIQ WALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ  
WABARAKATUH.

**DATO' SRI KHAZALI BIN HJ. AHMAD,  
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.  
16 OKTOBER 2016**